

MAHATHIR

1977

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMED, BERKATA BELIAU PUASHATI DENGAN KETERANGAN-KETERANGAN YANG DIBERIKAN OLEH BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO MELAKA DALAM PERJUMPAAN YANG DIADAKAN KELMARIN DAN HARI INI.

MEREKA TELAH MEMBERI KETERANGAN CARA TERBUKA, JUJUR DAN TULUS IKHLAS, KATANYA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DI SINI DENGAN PARA WAKIL BAHAGIAN KOTA MELAKA DAN BATU BERENDAM.

PERJUMPAAN DENGAN KOTA MELAKA DIADAKAN PADA SEBELAH PAGI HINGGA TENGAH HARI SEMENTARA BAHAGIAN BATU BERENDAM DARI 2.30 PETANG HINGGA LEWAT HARI INI.

DATUK SRI DR. MAHATHIR MENAMBAH JAWATANKUASA YANG DIPENGERUSIKANNYA AKAN MENGADAKAN MESYUARAT UNTUK MENGATUR LANGKAH DAN TINDAKAN SELANJUTNYA. -- BERSAMBUNG 2017/ZCM

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA KETUA MENTERI MELAKA, HAJI ABDUL GHANI ALI, MUNGKIN AKAN DIPANGGIL OLEH JAWATANKUASAITU UNTUK MENDAPAT KETERANGAN DARINYA. HAJI GHANI TIDAK HADIR DALAM PERJUMPAAN DUA HARI ITU.

PERJUMPAAN ITU DIADAKAN BERIKUTAN DENGAN KRISIS DI ANTARA HAJI GHANI DAN 11 ORANG ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG MAHUKAN SUPAYA HAJI GHANI DISINGKIRKAN DARI JAWATANNYA. -- BERNAMA 2018/ZCM